

Sri Paus berdoa:

Semoga Paskah tembusi kegelapan peperangan

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus berdoa agar umat Kristian mengalami sukacita Paskah dan membiarkan kebangkitan Kristus menjadi “cahaya yang menerangi kegelapan dan kesuraman di mana, terlalu sering, dunia kita diselubungi kegelapan dan kesuraman.”

“Di dalam Yesus, perjalanan umat manusia yang menentukan telah dilakukan: perjalanan dari kematian ke kehidupan, dari dosa ke rahmat, dari ketakutan ke percaya diri, dari kehancuran ke persekutuan,” kata Sri Paus pada April 9, setelah merayakan Misa Paskah di Dataran Santo Petrus.

Dalam pesan Paskahnya, Paus Fransiskus berdoa agar peperangan di Ukraine berakhir serta mendoakan umat Kristian yang merayakan Paskah “dalam keadaan tertentu”, misalnya di Nicaragua, di mana kerajaan telah menyekat perayaan-perayaan agama, mengusir puluhan paderi dan memenjarakan Uskup Rolando Álvarez.

Seperti tradisi, Sri Paus Fransiskus tidak memberikan homili semasa Misa pagi tetapi menundukkan kepalanya dan melakukan refleksi hening selama beberapa minit selepas pembacaan Injil dalam Bahasa Latin dan Bahasa Yunani.

Sekitar 45,000 orang hadir di dataran itu untuk Misa pagi, dan pada waktu tengah hari, hampir 100,000 orang di dalam dan di luar Dataran Sto Petrus, mendengar pesan Paskah daripada Sri Paus Fransiskus serta berkat “*urbi et orbi*” (untuk kota dan dunia).

Kardinal James M. Harvey, imam agung Basilika Santo Paulus di Luar Tembok



Bapa Suci Fransiskus memberikan berkat *urbi et orbi* di balkoni Basilika Sto Petrus. Gambar: CNA.

Roma, berdiri di samping Sri Paus Fransiskus di balkoni Basilika Santo Petrus untuk pemberkatan, mengumumkan indulgensi penuh yang tersedia untuk semua orang yang hadir, yang mendengar melalui radio atau menonton di televisyen atau mengikuti dengan “sarana komunikasi lainnya.”

Mengucapkan selamat Paskah kepada semua orang, Bapa Suci berdoa agar Paskah menandai “suatu peralihan dari penderitaan menuju penghiburan” bagi semua orang, terutama “orang sakit dan miskin, para warga tua dan mereka yang mengalami masa percubaan dan kelelahan.”

“Kita tidak sendirian: Yesus, yang hidup, bersama kita selamanya,” katanya. “Biarlah

gereja dan dunia bersukacita, kerana hari ini harapan kita tidak lagi muncul di tembok kematian, kerana Tuhan telah membangun jambatan menuju kehidupan untuk kita.”

“Ya, saudara dan saudari, pada Paskah, nasib dunia telah berubah,” katanya, “dan pada hari ini, yang juga bertepatan dengan hari kebangkitan Kristus, kita dapat bersukacita untuk merayakan, dengan rahmat murni, hari yang paling penting dan indah dalam sejarah.”

Sangti Papa memberi pelbagai catatan Injil tentang Paskah di mana para pengikut Yesus bergegas atau pergi dengan tergesa-gesa untuk memberitakan khabar kebangkitan-Nya, didorong oleh kegembiraan dan

diperbaharui dalam harapan.

Sri Paus mengenang rakyat Ukraine dan mendoakan mereka agar terang Paskah memancarkan perdamaian dan menghiburkan mereka yang terluka.

Bapa Suci juga mempersembahkan doa khusus untuk Syria, Lubnan, Haiti, Tunisia, Congo, Myanmar, dan negara-negara lain yang mengalami kesulitan dan konflik.

“Semoga Tuhan menghibur para pelarian, orang-orang yang dideportasi, tahanan politik dan migran, terutama mereka yang paling lemah, yang sedang kelaparan, miskin, mangsa perdagangan manusia dan semua bentuk perhambaan.” — *media Vatikan*

Gereja bakal rai Hari Datuk, Nenek, Warga Tua kali ketiga

ROMA: Gereja sedang bersedia untuk meraikan Hari Sedunia Datuk, Nenek dan Warga Tua but kali ke tiga, pada Julai 23, demikian lapor Dikasteri Vatikan untuk Kaum Awam, Keluarga dan Kehidupan, pada April 13 lalu.

Gereja menyambut Hari Sedunia Datuk, Nenek dan Warga Tua setiap tahun, pada hari Minggu keempat pada bulan Julai, beberapa hari sebelum perayaan datuk dan

nenek Yesus, Sto Yuakim dan Anna.

Sri Paus Fransiskus memulakan perayaan ini pada tahun 2021 kerana percaya bahawa datuk nenek sering dilupakan, namun mereka “adalah penghubung antara generasi, mewariskan pengalaman hidup dan iman kepada golongan muda.”

Bapa Suci memilih tema tahun ini “Rahmat-Nya turun temurun” (Lukas 1: 50) kerana ia ada hubung kaitnya dengan Hari

Belia Sedunia, Ogos 1-6, 2023, yang akan berlangsung di Lisbon, Portugal, yang diadakan selang beberapa bulan selepas Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua.

Tema Hari Belia Sedunia “Maria bangkit dan pergi dengan tergesa-gesa” (Luk 1:39) menunjukkan kepada kita, Maria, yang masih muda bertekad untuk pergi dan menemui sepupunya yang tua, Elizabeth dan yang sukacita menyanyikan kidung

pujian Magnifikat, menunjukkan kekuatan pakatan antara muda dan tua.

Pada Hari sambutan itu, Sangti Papa akan memimpin liturgi Ekaristi di Basilika Sto Petrus dan menjemput paroki, keuskupan, persatuan dan komuniti-komuniti esklesial dari seluruh dunia untuk meraikan Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua dalam konteks pastoral mereka masing-masing. — *media Vatikan*

Pergelutan dalam melahirkan harapan

Selepas Yesus bangkit dari orang mati, penampakan pertama-Nya adalah di kalangan wanita. Mengapa?

Salah satu sebab yang jelas mungkin kerana yang mengikuti-Nya hingga kematian-Nya pada Jumaat Agung ialah wanita, sementara lelaki, sebahagian besarnya meninggalkan-Nya.

Juga, wanita, bukan lelaki, yang berangkat ke makam-Nya pada pagi Paskah, dengan harapan dapat menaburi jenazah-Nya dengan rempah ratus – maka wanita adalah yang pertama berada di taman ketika Dia menampakkan diri buat kali pertama.

Tetapi, bagi saya, ada alasan yang lebih mendalam dan lebih simbolik.

Wanita pertama yang melihat Yesus yang bangkit adalah umpama bidan.

Secara amnya wanita yang menyambut kelahiran baru (bidan) adalah wanita yang memainkan peranan utama dalam memastikan bayi (kehidupan baru) selamat dan sihat.

Dalam mana-mana kelahiran, bidan boleh membantu. Apabila bayi dilahirkan, biasanya kepala bayi itu menolak saluran kelahiran terlebih dahulu, sebelum bidan membuka ‘jalan’ agar bayi itu lebih mudah keluar.

Bidan yang baik hangat membantu pada fasa itu, selain membantu bayi melalui saluran kelahiran, bidan juga membantu memastikan bayi bernafas, dan membantu ibu membiasakan diri

menjaga kehidupan baru itu.

Bidan juga ada kalanya boleh mengetahui perbezaan antara kelahiran yang membawa kehidupan atau kematian, dan dia sentiasa membantu agar proses kelahiran lebih mudah dan sihat.


Kebangkitan Yesus melahirkan kehidupan baru ke dunia kita, dan pada peringkat awal kehidupan, bidan diperlukan khususnya pada waktu kecemasan dan memastikan pernafasan pertama bayi yang baru lahir di dunia, tidak terganggu atau tersekat.

Kebangkitan melahirkan banyak perkara, dan ini memerlukan bidan; pertama, di kalangan wanita yang mula-mula melihat penampakan Yesus, kemudian, di kalangan para rasul yang bersaksi akan Yesus yang bangkit, kemudian oleh gereja awal, dengan kemahirannya, kemudian berita kebangkitan ini seterusnya dihidupi dan diwartakan oleh ramai wanita dan lelaki di sepanjang abad, dan ada kalanya juga oleh ahli teologi dan penulis rohani.

Sehingga sekarang, kita masih memerlukan bidan dalam ‘melahirkan’ kebangkitan.

Dan dalam peristiwa kebangkitan ini, banyak perkara yang luar biasa telah lahir.

Kebangkitan Yesus adalah sebuah peristiwa radikal seperti kisah penciptaan, di mana kebangkitan Yesus adalah “hari pertama”, hari kedua ialah cahaya dipisahkan dari kegelapan. Sesungguhnya, masa dunia diukur dengan kebangkitan.



Fr Ron Rolheiser

Kita berada pada tahun 2023 sejak Kebangkitan. (Agama Kristian lahir dengan Kebangkitan Yesus. Masa baru bermula dengan kebangkitan Yesus. Tetapi sarjana membuat perkiraan bahawa Yesus berusia tiga puluh tiga tahun ketika Dia wafat, maka mereka menambah tiga puluh tiga tahun bagi memulakan masa baru dengan tarikh kelahirannya.)

Perkara menonjol yang dilahirkan dalam peristiwa Kebangkitan dan memerlukan bidan adalah: Harapan.

Kebangkitan melahirkan harapan. Wanita-wanita dalam Injil yang pertama kali bertemu dengan Yesus yang telah bangkit, adalah yang pertama diberi penegasan untuk berharap dalam kebenaran, dan mereka bertindak sebagai bidan-bidan kelahiran baru.

Begitu juga kita. Kita perlu menjadi bidan harapan. Tetapi

bagaimana kita dapat membantu kelahiran harapan dan bagaimana ia dilahirkan dalam misteri Kebangkitan Yesus?

Harapan sejati tidak boleh disamakan dengan pendapat atau idea (*wishful thinking*).

Tidak seperti harapan, *wishful thinking* hanyalah sekadar idea dan keyakinan biasa yang tidak akan membawa perubahan.

Optimisme, berakar dalam sikap semulajadi (sisi pandangan positif kita) atau betapa baik atau buruknya berita yang kita dengar atau terima pada hari ini, kita boleh menghadapinya dengan tenang.

Tetapi, sikap optimis ini boleh berubah dari hari ke hari.

Tetapi harapan dibentuk dan mempunyai asas yang berbeza.

Sebagai contoh: Pierre Teilhard de Chardin, seorang saintis yang sangat beriman, pernah dicabar oleh rakan sekerja agnostik selepas membuat beberapa kajian, di mana, rakannya cuba menunjukkan bagaimana kisah sejarah keselamatan sesuai dengan pandangan sains mengenai asal-usul alam semesta dan proses evolusi.

Teilhard menyatakan seperti yang tercatat dalam Efesus 1, 3-10, bahawa akhir keseluruhan proses evolusi akan menjadi kesatuan semua perkara dalam satu keharmonian akhir yang hebat dalam Kristus.

Rakan sekerja agnostik itu terus mencabarnya. Dia mengatakan pendapat Teilhard adalah sekadar helah bijak.

Beliau sekiranya seseorang meletupkan dunia dengan bom atom. Apa yang berlaku kepada helah bijak anda?

Teilhard menjawab dengan kata-kata yang memberikan impak penting kepada kita semua: Jika kita meletupkan dunia dengan bom atom, itu akan menjadi masalah besar, mungkin selama berjuta-juta tahun. Tetapi apa yang saya katakan ini, adalah apa yang pasti akan berlaku.

“Bukan kerana saya berhelah atau kerana saya optimis sebaliknya ia akan berlaku walau siapa pun saya.

Ia akan berlaku kerana Tuhan menjanjikannya — dan dalam kebangkitan-Nya, Tuhan menunjukkan bahawa Dia mempunyai kuasa untuk menunaikan janji itu!”

Apa yang dialami oleh wanita yang pertama kali menemui Yesus yang bangkit adalah HARAPAN. sejenis harapan yang berdasarkan janji Tuhan yang membuktikan kebaikan telah mengalahkan kejahatan dan kehidupan mengatasi kematian, tidak kira keadaannya, tidak kira halangan, tidak kira betapa mengerikannya berita yang kita dengar pada hari tertentu, tidak kira kematian itu sendiri, dan tidak kira sama ada kita optimis atau pesimis.

Mereka adalah bidan-bidan yang membantu melahirkan harapan itu. Tugas itu sekarang adalah tugas kita. — **Hakcipta Terpelihara @ Fr Ron Rolheiser 1999-2023**

Merawat kebutaan rohani kita

Negara kita kaya dengan pelbagai jenis makanan. Namun pengalaman menyedarkan kita bahawa makanan tersebut lebih enak dimakan dalam kesempatan-kesempatan di mana seluruh warga keluarga atau komuniti setempat dapat menikmatinya bersama.

Dengan makan bersama segala masalah boleh dilupakan sebentar sehingga membuka mata dan minda kita terhadap satu dengan yang lain.

Maka, dengan demikian terjalinlah kemesraan hubungan sehingga sikap kepedulian dan keprihatinan muncul dari hati sanubari.

Khususnya dalam keluarga, perkara makan bersama hendaknya dititikberatkan. Makan bersama hendaknya dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam sehari.

Sebab melalui makan bersama ini tembok pemisah antara ibu, bapa dan anak dapat dipecahkan dengan terjadinya komunikasi sesama makan.

Pendek kata masa makan bersama adalah masa di mana setiap individu bebas untuk berinteraksi

satu dengan yang lain.

Injil pada hari ini sekali lagi menjelaskan kepada kita tentang kepentingan berjalan bersama dan makan bersama ini. Bahawa kedua-dua aktiviti tersebut mempunyai nilai yang lebih, iaitu nilai-nilai kerohanian yang dihasilkan semasa aktiviti tersebut dilaksanakan.

Dalam kisah tersebut, dua orang murid Yesus berjalan ke Emaus dengan bebanan masalah yang berat.

Selama ini mereka menaruh harapan penuh kepada Yesus tetapi segala impian itu hancur kerana Yesus telah dibunuh. Sudah tiga hari Yesus pergi tapi belum ada tanda bahawa Dia akan datang.

Dua orang murid tersebut adalah orang-orang yang mengamalkan sikap realis dan pragmatik. Kenapa mereka begitu bodoh? Kenapa mereka terlalu berharap dan percaya? Kenapa mereka cepat putus asa?

Orang asing yang tiba-tiba muncul berjalan dengan mereka pun berpendapat bahawa mereka itu memang bodoh tapi atas sebab

yang lain. “Hai kamu orang bodoh, betapa lambannya hati mu, sehingga kamu tidak percaya segala sesuatu yang telah dikatakan para nabi” (Luk 13:25).

Murid-murid tersebut begitu sedih sehingga mereka lupa terhadap apa yang pernah dikatakan Yesus kepada mereka.

Bagaimanapun, sikap kepedulian terhadap orang lain masih ada dalam hati mereka.

Mereka memohon agar orang asing yang tiba-tiba berjalan bersama tadi agar tinggal bermalam bersama mereka.

Sikap kepedulian walaupun dalam kesedihan inilah yang sebenarnya menjadi sumber penyelamatan mereka.

Akhirnya orang asing itu tinggal bersama mereka dan makan bersama mereka.

Setiap perjalanan pasti ada akhirnya. Perlu ada masa untuk berehat dan tentunya ada makan.

Pada ketika itu sang orang asing tersebut mengambil roti lalu mengucap syukur.

Maka, “Ketika itu terbukalah mata mereka dan mereka pun

HARI MINGGU PASKAH III

**KISAH PARA RASUL 2:14,22-33;
1 PETRUS 1:17-21;
INJIL LUKAS 24:13-35**

mengenai Dia, tetapi Ia lenyap dari tengah-tengah mereka” (Luk 13:31).

Pemecahan roti dan ucapan syukur adalah merupakan tanda di mana kita mengingati Tuhan sampai kedatangan-Nya yang akan datang.

Meskipun Yesus lenyap dari pandangan mata manusia biasa namun Dia tetap hadir: “Bukanlah hati kita berkobar-kobar, ketika Ia berbicara dengan kita di tengah jalan...” (Luk 13:32).

Kemudian murid-murid tersebut pergi mewartakan khabar sukita Paskah: “Sesungguhnya Tuhan telah bangkit” (Luk 13:34).

Kisah murid di Emaus itu adalah merupakan kisah iman bagi setiap orang Kristian.

Ia juga memberi pengajaran

kepada kita akan kebutaan rohani kita yang selalu tidak mengenal Yesus dalam perjalanan harian kita!

Oleh itu, mari merayakan kebangkitan-Nya melalui Ekaristi. Kita tidak boleh larut dalam ketakutan dan kesedihan seperti dua orang pengikut Yesus dalam perjalanan ke Emaus.

Tetapi, meskipun dalam beberapa ketika murid-murid itu berada dalam keadaan sedih dan keliru, mereka mengalami kebangkitan yang mengundang kekaguman dan perubahan besar dalam iman mereka.

Yesus tidak mungkin tetap berada dalam maut. Dia telah bangkit dan menjadikan kita anak-anak-Nya yang terkasih. — **santapan rohani**

Rahmat-Ku cukup bagi mu ...

TOBOH, Tambunan: Memilih tema pentahbisannya yang dipetik 2 Korintus 12:9: "Rahmat-Ku cukup bagimu, sebab kuasa-Ku menjadi sempurna dalam kelemahan", Fr Appoloniuss Yakis (34), telah ditahbis pada Mac 25 lalu di Gereja Holy Cross Toboh, Tambunan.

Ritus pentahbisannya dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong yang turut dibantu oleh para paderi Keuskupan Keningau dan paderi dari kongregasi CSE.

Prelatus itu berpesan kepada paderi baharu agar terus memelihara relasi yang akrab kerana meskipun panggilan itu adalah sebuah berkat, ia masih perlu dihayati, dipupuk dan disegarkan selalu melalui doa, Firman dan Sakramen.

Uskup Cornelius mengungkapkan penghargaan kepada ibu bapa Fr Appoloniuss yang menyokong beliau sepanjang pembentukan menjadi paderi.

Bapa Uskup turut menghargai tenaga pengajar Seminari St Yohanes Salib (STIKAS), Bandol, Kalimantan Barat, Indonesia, yang telah membimbing Fr Appoloniuss dalam pembentukannya selama enam tahun.

Mengumumkan bahawa Fr Appoloniuss diutus untuk melayani di Katedral St Francis Xavier, Bapa Uskup berpesan kepada paderi baharu itu agar, "Jadilah seperti Yesus, Dia datang bukan untuk dilayani tapi untuk melayani."

Fr Rudolph Joannes, paderi paroki St Theresa dan Holy Cross menyelitikan dalam ucapannya semasa pertama kali mengaju-



Fr Appoloniuss Yakis

kan idea untuk menghantar para seminarian melanjutkan pembentukan ke STIKAS, yang mana cadangan tersebut diterima baik oleh Uskup Cornelius.

Akhirnya usaha ini telah melahirkan paderi graduan pertama STIKAS di Sabah iaitu Fr Appoloniuss.

"Terpesona melihat keindahan jubah paderi, telah menjentik hati seorang kanak-kanak untuk menyahut panggilan-Nya".

Kanak-kanak itu, iaitu Fr Appoloniuss begitu tertarik dengan busana paderi yang dilihatnya setiap kali mengikuti Misa Kudus dan mula menyimpan hasrat untuk memakainya suatu hari nanti.

Katanya, panggilan itu semakin kuat bergema apatah lagi setiap kali doa Panggilan dibacakan.

Fr Appoloniuss yang lahir pada Okt 27, 1989, berasal dari daerah Tambunan merupakan anak bongsu dari enam beradik



oleh pasangan Yakis Dangguk dan Claudia Sawdur.

Appoloniuss mengatakan panggilan kepaderiannya adalah buah-buah dari pengalamannya melayani di Gereja khususnya dalam kerasulan belia, KKD dan sebagainya.

Pengalaman dari pelayanan-pelayanan itu telah memberi sukacita serta menjadikannya peribadi yang lebih baik dan berkelas kasihan.

Fr Appoloniuss memulakan pembentukan kepaderiannya pada tahun 2014 di Catholic Diocesan Centre (CDC), setahun kemudian di Inisiasi St Peter's College, Kota Kinabalu sebelum menyambung pengaji-

annya di Seminari STIKAS.

Pernah mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan, St David Toboh, Tambunan dan Sekolah Menengah di St Martin, Tambunan, Fr Appoloniuss mempunyai pengalaman kerja di TNGC Club House, Kota Kinabalu dan FMS Sdn Bhd sebelum menjadi aspiran di CDC.

Meneruskan pembentukan sebagai calon paderi pada Tahun Inisiasi, St Peter's College pada tahun 2015, dan pada tahun 2016 menyambung pengajian falsafah dan teologi di STIKAS, sehinggalah beliau ditahbis sebagai diakon di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal pada Okt 7, 2022. — *Melissa Floly*

Carilah Tuhan maka kamu akan hidup!

Pengalaman semasa saya sakit dan disembuhkan adalah pertemuan peribadi saya dengan Yesus yang sangat luar biasa.

Saya pernah sakit (ilmu hitam) akibat perbuatan khianat seorang kenalan terdekat. Banyak cara yang dilakukan, termasuk memanggil bomoh, tetapi keadaan saya tidak berubah.

Pada suatu hari, abang saya menyarankan kepada ahli keluarga supaya membawa saya ke Pertapaan Karmel, Tambunan.

Semasa di sana, saya benar-benar mengala-

mi jamahan dan kehadiran Tuhan melalui doa-doa yang didaraskan oleh paderi, brothers dan sisters di sana.

Saya sembuh dan selepas kembali dari Pertapaan Karmel, saya dan keluarga terus melakukan doa rosari sebelum tidur dan doa Kerahiman Ilahi setiap jam tiga pagi setiap hari.

Pada hari ketiga melakukan doa rosari dan Kerahiman Ilahi, saya melihat sosok tubuh terang berwarna putih seperti Bunda Maria. Saya tidak berasa takut, hanya berasa tenang.

Kejadian ini mendorong saya untuk mengakui, Yesus adalah Tuhan dan Sang Juruselamat.

Setelah menyertai kelas Inisiasi Kristian Dewasa (IKD) saya lebih memahami ajaran Gereja Katolik.

Setelah dua kali mendaftar IKD, akhirnya pada tahun ini saya berjaya dibaptis.

Perjalanan iman ini tidak terhenti pada malam saya dibaptis, dengan doa, saya mahu terus kuat bersaksi dan menjadi



pengikut-Nya yang setia. — *Kelvin Lawrence Katedral St Francis Xavier, Keningau*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:

liza@herald.com.my

Kriteria asas menjadi paderi di Malaysia

Soalan: Apakah kriteria ASAS untuk menjadi paderi di Malaysia?

Jawaban: Beberapa kriteria asas yang perlu dipenuhi, antaranya ialah:

Pendidikan: Untuk layak diterima masuk seminari di Malaysia, hendaklah calon itu mempunyai tahap pendidikan sekurang-kurangnya SPM dengan lima kepujian, atau taraf pendidikan yang setaraf dengannya.

Jikalau ada kelulusan yang lebih tinggi seperti STPM, diploma atau ijazah juga lebih dan sangat digalakkan.

Selain itu, para calon juga perlu peka bahawa salah satu keperluan seminari di Malaysia ialah calon tersebut mempunyai kelulusan MUET Band 4 dan keatas. Jangan risau, kalau betul-betul ada keinginan, semuanya ada jalan dan boleh dibantu oleh pihak pembentukan di seminari kelak.

Kesucian hidup: Calon paderi perlu hidup dalam kesucian, sentiasa ada keinginan menghindari dosa dan melakukan kerja yang baik dan menjauhi kebiasaan buruk yang dapat merosak iman dan citra gereja.

Kesediaan untuk melayani: Paderi harus memiliki motivasi dan semangat yang kuat untuk melayani gereja dan umatnya. Mereka harus siap untuk mengabdikan hidup mereka untuk memberikan bimbingan spiritual dan memimpin kegiatan keagamaan.

Keperibadian yang baik: Calon paderi perlu memiliki keperibadian yang baik, termasuk sikap rendah hati, mempunyai kualiti untuk mencintai orang lain, dan keteladanan moral yang kuat.

Disiplin: Paderi harus memiliki disiplin yang tinggi dalam hidup mereka, termasuk dalam hal-hal pengurusan masa, kerja keras, dan ketaatan pada hukum gereja.

Selain itu, ada juga persyaratan tambahan seperti kesihatan yang baik, latar belakang yang bersih, dan persiapan mental dan emosional yang kuat untuk menghadapi cabaran dan tekanan yang mungkin terjadi dalam tugas mereka sebagai pelayan gereja kelak.

Hidup selibat di kalangan paderi Katolik

Selibat atau *celibate* di kalangan paderi Katolik merujuk pada keputusan untuk hidup tanpa perkahwinan dan menahan diri dari aktiviti seksual. Ini adalah bahagian integral dari tradisi Katolik yang dianggap sebagai tanda pengabdian penuh waktu kepada Tuhan dan gereja.

Pada dasarnya, selibat adalah sebuah janji atau sumpah untuk hidup untuk Tuhan dan untuk mengabdikan diri sepenuhnya untuk melayani umat dan tugas-tugas gerejawi.

Hidup selibat sebagai seorang paderi Katolik membawa banyak keuntungan. Beberapa di antaranya termasuk:

Fokus penuh pada pelayanan gereja: Hidup

tanpa perkahwinan memungkinkan seorang paderi untuk fokus sepenuhnya pada tugas-tugas gerejawi dan memberikan pelayanan terbaik kepada umat.

Konsentrasi pada pertumbuhan rohani: Selibat memungkinkan seorang paderi untuk lebih berkonsentrasi pada pertumbuhan rohani dan hubungannya dengan Tuhan, dengan tidak terganggu oleh keperluan dan tuntutan keluarga atau pasangan hidup.

Menjaga kemurnian: Selibat membantu seorang paderi untuk mempertahankan kemurnian dalam hidupnya, terutama dalam hal seksualitas dan hubungan dengan orang lain.

Memperkuat komitmen: Selibat juga dapat memperkuat komitmen seorang paderi kepada tugas-tugas gerejawi dan memberikan contoh bagi umat tentang pentingnya mengorbankan keinginan duniawi demi tujuan yang lebih besar.

Dalam pengalaman saya dalam hidup selibat ini, ianya membuatkan saya lebih bebas dalam hidup pelayanan saya khususnya melayani dan mendekati semua lapisan umat yang berbeza latar belakang.

● Soalan ini dijawab oleh Fr David Gasikol, paderi di Keuskupan Keningau yang sedang menyambung pengajian dalam bidang Canon Law di Royal and Pontifical University of Santo Tomas, Manila, Philippines.

Sahabat kecil Yesus



Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada minggu ini, kita mendengar dalam pembacaan Injil tentang dua orang pengikut Yesus yang dalam perjalanan ke Emaus.

Dalam perjalanan itu, kedua-dua murid Yesus itu bercerita tentang Yesus dan begitu sedih kerana Yesus telah wafat.

Kesedihan mereka menyebabkan mereka tidak dapat mengenal Yesus yang turut menyertai perjalanan mereka ke Emaus.

Akhirnya, kedua-dua murid ini mengenal Yesus semasa perjamuan Ekaristi.

Kesedihan mereka akhirnya, bertukar menjadi sukacita kerana menyedari bahawa Yesus sudah bangkit dan mereka juga merayakan Ekaristi bersama Dia!

Adik-adik, dalam hidup ini, kita tidak dapat lari dari berasa sedih, bosan dan tertekan.

Tetapi janganlah kita terlalu sedih. Bukankah Yesus sudah bangkit pada hari Paskah?

Dia telah mengatasi alam kematian dan sudah pasti, Dia adalah sumber sukacita dan belas kasihan.

Melalui kisah Injil hari Minggu ini, mata rohani dua orang murid Yesus itu akhirnya terbuka! Iman mereka kembali disegarkan dan dikuatkan melalui perayaan Ekaristi.

Adik-adik, marilah kita bersungguh-sungguh merayakan Ekaristi, mendengar Sabda-Nya agar semua kelemahan, kebutaan rohani dapat diakhiri dengan memohon bantuan daripada Roh Kudus!

Auntie Melly



Waktu Ia duduk makan dengan mereka, Ia mengambil roti, mengucap berkat, lalu memecah-mecahkannya dan memberikannya kepada mereka. Ketika itu terbukalah mata mereka dan merekapun mengenal Dia ... (Lukas 24:30)

CARI SEPULUH PERBEZAAN PADA GAMBAR DI BAWAH.



Bantu dua orang murid Yesus ini untuk membawa Yesus ke sebuah rumah bagi merayakan perjamuan Ekaristi bersama.



CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI

E	M	A	U	S	T	Y	U	O	D	A
J	H	Y	E	R	U	S	A	L	E	M
K	L	E	O	P	A	S	R	W	V	U
S	E	B	E	R	C	A	K	A	P	J
V	Z	B	E	R	J	A	L	A	N	Y
M	E	N	G	E	N	A	L	G	X	O
N	A	B	I	M	A	L	C	V	B	N
U	I	P	E	M	I	M	P	I	N	S
J	G	D	S	M	E	S	I	A	S	X
T	E	R	B	U	K	A	L	A	H	F

TERBUKALAH
BERCAKAP
EMAUS
YERUSALEM

KLEOPAS
BERJALAN
MENGENAL
NABI

PEMIMPIN
MESIAS

Mari lengkapkan petikan Injil dari Lukas 24 untuk membaca dialog antara Yesus dan dua orang pengikut-Nya.




Bukankah Mesias harus menderita

(Luk 24: 26)

Tinggallah

(Luk 24: 29).



BELIA MILENIUM



Menghadirkan Kristus dalam pelayanan



Para pelayan altar merayakan perayaan Ekaristi bersama Fr Simon Kontou di Bukit Marian.

SANDAKAN: Selepas dua tahun tertangguh akibat pandemik Covid-19, Komiti Pelayan Altar menganjurkan rekoleksi yang berakhir pada April 2 lalu.

Dengan persetujuan dan doa Paderi Paroki Katedral St Mary, Fr Simon Kuntou, seramai 50 pelayan altar menghadiri rekoleksi tersebut.

Turut menyertai mereka dalam rekoleksi itu ialah para pelayan altar senior yang telah melayani di Rumah Tuhan lebih dari tujuh tahun.

Pada hari pertama, program dimulakan dengan Ibadat Jalan Salib, diikuti Misa Kudus harian. Selepas Misa, Kenny Mark dan Clifford Simeon, mengendalikan sesi *Ice Breaking* yang menggalakkan para peserta saling mengenali dan memecahkan rasa segan di antara sesama.

Selepas sesi tersebut, Stephen Simeon mengetuai sesi "*Expectation of an Altar Server*".

Doa rosari menjadi sesi pembukaan bagi hari kedua rekoleksi. Doa ini dijalankan di Koridor Rosari di Bukit Marian, diikuti Misa di kawasan terbuka yang dipimpin oleh Fr Simon.

Dalam homilinya, Fr Simon menyatakan tentang cintakasih agung Yesus dan disebabkan kasih-Nya yang besar terhadap umat manusia, Dia sanggup menderita, wafat di kayu Salib dan bangkit pada hari ketiga untuk menebus dunia.

Fr Simon menyeru para pelayan Altar, agar mereka melayani untuk Tuhan sebagai ungkapan kesyukuran dan kasih mereka terhadap kasih Tuhan yang mendalam.

Selepas Misa, para pelayan Al-

tar diberi penerangan tentang 'Objek-objek Liturgi' yang digunakan semasa perayaan Misa Kudus.

Kemudian Fr Simon menyampaikan dua sesi iaitu, "Mengapa kamu dipanggil untuk melayani sebagai Pelayan Altar" dan "Minggu Suci".

Fr Simon menerangkan maksud panggilan dan liturgi Minggu Suci kepada para pelayan Altar.

Pada sebelah petang, para pelayan Altar menyertai perayaan Hari Minggu Palma di Katedral, sambil memerhatikan perjalanan liturgi sepanjang Misa Kudus.

Selepas Misa Kudus, Marshall Owen mengetuai sesi "*team building*" di mana beliau menerangkan bahawa para pelayan Altar adalah komuniti kanak-kanak Tuhan yang melayani dan bertumbuh bersama dalam rumah Tuhan.

22 anak muda lakon kesengsaraan Yesus



KUALA LUMPUR: Dua-puluh dua kaum muda telah mempersembahkan lakonan kisah sengsara Yesus pada hari Jumaat Agung, April 7 yang lalu. Anak-anak muda dari Gereja Risen Christ, melakonkan semula pengangkapan Yesus, perbicaraan dan penyaliban Yesus.

Latihan demi latihan serta dedikasi para belia yang menjayakan lakonan ini, telah membuahkan hasil amat membara-berangsangkan.

Segala persiapan dan kelengkapan turut dititik beratkan sehingga persembahan kisah sengsara Yesus ini menyentuh

hati ramai umat.

Lakonan ini bertujuan untuk memperingati pengorbanan Yesus Kristus, Juruselamat kita.

Ramai umat yang telah menyaksikan lakonan itu telah memberi komen yang positif.

Setiap watak yang dilakonan seolah-olah hidup dan umat berasa lakonan tersebut memberi kesan kepada mereka.

Terima kasih yang tidak ternilai kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjadikan lakonan ini sebuah karya yang hebat yang juga bersempena Jubli Emas Paroki Risen Christ.

Belia St Raphael bangkit dan anjur pertemuan sukacita



KOTA BELUD: Seramai 34 orang belia St Raphael Pompad menyertai program '*Rejoice And Praise His Amazing Everlasting Love 2*' (RAPHAEL 2) pada Mac 11-12 lalu di Chapel St Raphael, Pompad. Program ini mempromosi sukacita pelayanan dalam Gereja di kalangan kaum muda kerana mereka adalah pelapis pemimpin belia masa hadapan.

Memilih Yesus bermakna memilih bahagia

"Kerana begitu besar kasih Tuhan akan dunia ini Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal" (Yoh 3:16).

Sabda Yesus ini sungguh menyentuh hati dan membuatkan saya sangat percaya akan kasih-Nya yang luar biasa.

Melalui Inisiasi Kristian Kanak-kanak (IKK), saya banyak membaca Kitab Suci dan mulai mahir

membelek bab serta mencari petikan-petikan Alkitab yang diperlukan.

Perayaan Paskah juga semakin bererti bagi saya selepas dibaptis. Saya mahu menjadi 'umat Paskah' yang penuh sukacita dan rajin ber-

doa agar buah-buah penebusan dari Paskah kebangkitan Yesus boleh dialami dan dinikmati oleh semua orang khususnya di kalangan mereka yang masih belum percaya kepada Yesus. — Alyesco Hazyle, Katedral St Francis Xavier, Keningau



Netizen harus tinggalkan meja untuk keluar menginjil

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus telah mengatakan kepada pengguna Internet (Netizen) untuk mengesampingkan polemik online dan keluar dari belakang meja mereka bagiewartakan Injil.

Berbicara di Dataran Santo Petrus pada April 12, Sri Paus mendesak umat Kristian untuk keluar dan “bergerak”ewartakan Khabar Baik Injil kepada dunia.

“Seseorang yang tidakewartakan Injil sambil berdiri diam, ‘berkunci di pejabat’ atau di komputernya, adalah terlibat dalam polemik seperti ‘pejuang dunia maya’ yang menggantikan kreativiti pewartaan dengan gagasan ‘salin dan tampal’ yang diambil dari sana-sini, kata Sri Paus Fransiskus.



Antara para penziarah yang hadir semasa audiensi bersama Sri Paus pada Apr 12, 2023.

“Injil diberitakan dengan bergerak, dengan berjalan, dengan pergi.” Dalam audiensinya pada hari

Rabu, Bapa Suci memperingatkan bahawa ada kemungkinan untuk memiliki “semangat yang salah

arah” yang “berterusan dalam mematuhi norma manusia semata-mata dan usang, yang tidak sesuai untuk masyarakat Kristian.”

“Kita tidak dapat boleh membiarkan, biarpun hanya beberapa orang yang terlibat atau selalu menularkan bahan yang salah di dalam masyarakat bahkan di dalam komuniti Kristian itu sendiri; seseorang mungkin kelihatan bermegah dengan imannya tetapi sebenarnya lebih kepadaewartakan keyakinannya sendiri, bukan Yesus,” katanya.

Bapa Suci turut memberikan refleksi pada dua baris dari Surat Santo Paulus kepada jemaat di Efesus: Jadi berdirilah tegap, berikat pinggangkan kebenaran dan berbaju zirahkan keadilan, kakimu

berkasutkan kerelaan untuk memberitakan Injil damai sejahtera;.

Sri Paus Fransiskus menekankan bahawa Santo Paulus menghubungkan semangatewartakan Injil dengan alas kaki “kerana orang yang pergiewartakan harus bergerak, harus berjalan.”

“Semangat menginjil adalah penyokong dasar pewartaan, dan pewartaan adalah seperti kaki atau tubuh Kristus iaitu Gereja,” katanya.

Sempena Hari Minggu Kerahiman Ilahi pada April 16, Bapa Suci mengatakan, “Tuhan tidak pernah berhenti berbelas kasih. Mari kita renungkan kemurahan Tuhan yang selalu menyambut kita dan tidak pernah mengingati kesalahan kita.” — CNA

Myanmar berduka atas korban serangan udara junta



Sebuah perkampungan musnah dan terbakar selepas diserang dari udara oleh militer di daerah Doo Tha Htoo, Kayin, Myanmar. Gambar: ucanews.com

YANGON: Rakyat Myanmar berduka atas kematian puluhan orang, termasuk kanak-kanak, dalam serangan udara terbaharu oleh junta terhadap orang ramai yang sedang berhimpun di wilayah Sagaing.

Serangan pada April 11 itu telah meragut nyawa lebih 100 orang manakala ratusan lagi cedera parah.

Akibat duka dan kesal, ramai rakyat Myanmar telah menggunakan gambar profil di media sosial berlatar belakang warna hitam, sebagai tanda solidariti dengan mereka yang terkorban.

Malah, ramai yang menitiskan air mata kesedihan semasa gam-

bar dan video pembantaian tragis di Desa Pazingyi, ditular di media sosial.

Dalam satu serangan udara pada hari sebelumnya, April 10, 11 orang penduduk tempatan telah maut termasuk seorang pendeta lokal dan guru besar di sebuah sekolah di desa Webula, Chin.

Sekumpulan kaum muda dari kota Mabayng, Kachin, telah menunjukkan tanda solidariti mereka dan mengutuk serangan udara itu dengan melukis mural yang menunjukkan pesawat menjatuhkan bom serta dengan berani menulis slogan, “Bersama kita kuat.” — ucanews.com

Paskah di Ethiopia: Berharap perdamaian kembali

TIGRAY: Komuniti kecil Katolik Ethiopia merayakan Kebangkitan Kristus pada April 16 mengikut kalender Gereja Ortodoks Koptik Ethiopia.

Ketua Komisi Sosio-Pastoral Keuskupan Agung Addis Ababa dan seorang biarawati Salesian yang ditemui berbicara tentang harapan mereka akan perdamaian kembali di Tigray, dan tentang projek jaringan antara jemaat yang dipromosikan oleh *Global Solidarity Fund* (GSF) bagi membantu para pelarian dan terlantar.

Di Ethiopia, populasi umat Katolik kurang dari dua peratus populasi besar tempatan, merayakan Paskah pada hari yang sama dengan Gereja Ortodoks Ethiopia, yang memiliki lebih 32 juta umat, lebih 43 peratus populasi.

Ethiopia adalah negara terbesar di Tanduk Afrika. Perang saudara selama dua tahun di wilayah Tigray utara berakhir dengan kesepakatan damai yang ditandatangani pada November 2022.

Di Ethiopia, kongregasi seperti



Para klerus dan religius bergabung dalam projek GSF.

Salesian, Ursulin, Misionari Cinta Kasih, Yesuit dan para klerus bergabung melalui GSF, menganjurkan banyak bengkel, melatih, memberi modal kepada peniaga kecil dan memberi pendidikan, rawatan kepada kanak-kanak serta golongan miskin.

Namun, situasi di Tigray, di mana hampir 500,000 orang maut dalam peperangan yang telah berlarutan selama dua tahun dan di wilayah barat negara itu, di perbatasan dengan Sudan dan Sudan Selatan, terjadi pemberontakan serta serangan yang

mengakibatkan ramai terkorban.

Fr Petros Berga, Ketua Komisi Sosio-Pastoral Keuskupan Agung Addis Ababa, berharap pesta Paskah “dapat membawa harapan dan kesembuhan bagi orang-orang yang sangat menderita kerana situasi konflik.”

Paderi itu menaruh harapannya pada kedamaian Yesus di kayu salib dan mengungkapkan harapan agar kaum muda dan kanak-kanak akan membawa “terang dan harapan sejati.” — CNA

Vietnam sambut ratusan warga etnik yang baharu masuk Katolik

HUNG HOA, Vietnam: Ratusan etnik Hmong di Vietnam yang baharu dibaptis dalam Gereja Katolik, menghadiri perayaan Minggu Suci untuk pertama kalinya tahun ini.

“Kami gembira dengan kehadiran sekitar 200 warga desa Hmong menghadiri Misa Minggu Palma, Misa sepanjang Minggu Suci dan perayaan Paskah untuk pertama kalinya di sub-paroki Hong Ngai,” kata Fr Joseph Nguyen Tien Lien, Paderi Paroki Mai Yen di Keuskupan Hung Hoa, Vietnam, yang bersempadan dengan Laos.

Umat Katolik baharu dibaptis itu, dengan dibantu oleh seorang seminarian dan seorang Sister, menghiasi sebuah kapel kecil, yang dibangun pada Mac tahun ini, den-

gan gambar Jalan Salib dan Hati Kudus, jelas Fr Joseph.

“Kami juga membimbing mereka bagaimana berpuasa dan berpantang pada hari Jumaat Agung, menyanyikan lagu-lagu rohani, mendaraskan doa-doa dalam bahasa Hmong, ujar paderi itu itu.

Orang-orang Hmong adalah kaum peribumi yang dapat ditemui di Vietnam, Laos, Thailand, Myanmar, dan China.

Kebanyakan orang Hmong di Vietnam adalah buruh harian, mencari nafkah di kebun teh dan sawah.

Terdapat lebih dua puluh ribu umat Katolik Hmong yang tinggal di daerah terpencil dan pegunungan di Vietnam.

Penginjilan di kalangan komuniti



Baptisan baharu etnik Hmong menghadiri Jalan Salib di subparoki Hong Ngai pada April 7. Gambar: ucanews.com

Hmong bermula tahun 1917.

Keuskupan Hung Hoa, wilayah terbesar di Vietnam, didirikan pada April 15, 1895.

Sejak para misionari diusir tahun 1954 setelah kemenangan komunis

di Vietnam utara, buku-buku Katolik dilarang dan secara bertahap hilang.

“Keutamaan kami adalah memberikan pelayanan pastoral kepada penduduk etnik di desa-desa,

khususnya yang kurang bernasib baik serta merayakan Paskah bagi komuniti Katolik baharu tersebut, agar iman mereka sentiasa kukuh,” kata Fr Joseph. — ucanews.com

Peringatan *Pacem in Terris* ke-60, Sri Paus seru pelucutan senjata

TAKHTA SUCI: Gagasan untuk mengakhiri perlombaan senjata sangat penting untuk menghentikan perang bukanlah sekadar angan-angan, tetapi "realisme yang sihat," tulis Sri Paus Fransiskus.

"Hanya dengan menghentikan persaingan senjata, memerangi kelaparan dan kehausan serta memastikan rawatan kesihatan bagi mereka yang terabai, kita dapat menghindari kehancuran atas kemanusiaan kita," tulisnya dalam sebuah artikel di *L'Espresso*, sebuah majalah Itali.

Artikel tersebut, yang diterbitkan pada April 7, merayakan Paskah dan peringatan 60 tahun ensiklik Sto Yohanes XXIII "*Pacem in Terris*" (Damai di Bumi) pada April 11.

Setelah kebangkitan, Yesus pergi ke ruang atas "di mana para rasul-Nya berkumpul, penuh ketakutan" setelah menyaksikan Dia wafat di kayu salib, kata Sri Paus. Salam-Nya kepada mereka adalah, "Damai sejahtera bagi kalian!"

Bapa Suci turut menekankan salam Yesus itu dalam pesan Paskahnya pada April 9, ketika prelatus itu berbicara dari balkoni Basilika Santo Petrus kepada sekitar 100,000 umat yang berhimpun di Data-ran Sto Petrus.

Bapa Suci mengulangi kata-kata Yesus tiga kali: "Damai sejahtera bagimu. Damai sejahtera bagimu. Damai sejahtera bagimu."

"Damai bersamamu adalah salam yang kita ganti pada hari ini," tulis Bapa Suci dalam *L'Espresso*.



Gambar file: Sri Paus Fransiskus melayani kanak-kanak dalam salah satu karya apostoliknya di Vatikan.

"Untuk benar-benar mengatakan 'tidak' pada perang dan kekerasan, tidak cukup hanya dengan membungkam senjata dan menghentikan penyerang. Penting untuk mencabut akar perang dan kekerasan adalah kebencian, iri hati, dan keserakahan."

"Seseorang harus memiliki keberanian untuk 'melucutkan' hati yang benci, menghilangkan racun dan kebencian," tulisnya.

Dalam artikel tersebut, seperti dalam pesan Paskahnya, Sri Paus Fransiskus meminta perhatian khusus pada perang Rusia di Ukraine juga mendesak orang-orang untuk tidak mengabaikan "konflik lain yang terabai, keganasan dan banyak 'bahagian' Perang Dunia Ketiga yang kita alami."

Katanya, perdamaian, memerlukan keberanian untuk menghentikan penyalahgunaan senjata "kerana perdamaian sejati tidak lahir dari rasa takut."

"Apa yang diperlukan adalah apa yang diseru 60 tahun lalu di mana Sto Yohanes XXIII dalam ensikliknya '*Pacem in Terris*,' menekankan 'pelucutan senjata integral'," katanya.

Sri Paus Fransiskus menulis bahawa beliau tahu, ramai orang mungkin menganggap ini adalah angan-angan, sekadar cita cita, tetapi ini adalah realisme yang sihat," dan satu-satunya cara untuk bergerak menuju perdamaian abadi. — ucanews.com

KESAKSIAN

Dentingan loceng Gereja, menggamit wanita ateis mengenal Tuhan

SEOUL: Lima tahun bekerja dengan sebuah syarikat, Kim Min-Ji berhenti kerja untuk menjadi seorang guru.

Pada Februari 21, sehari sebelum Rabu Abu, Kim mulai bekerja sebagai guru di sekolah berusia 124 tahun itu yang dikenal-dalikan oleh gereja.

Sekolah itu didirikan oleh *Servant of God* dan misionari Perancis, Fr Antonio Gombert pada tahun 1909.

Ketika dalam persiapan sijil perguruan, Kim mendengar loceng berdentang setiap hari di Gereja Ojeondong. Dentangan loceng itu membuatnya berhenti sejenak dan beliau terdorong untuk ke Gereja.

Pada Disember tahun lalu, dia mengunjungi gereja paroki dan bertanya bagaimana dia dapat menjadi seorang Katolik. Paderi paroki menyarankan agar Kim mengikuti program katekumen yang dimulai pada Januari.

Semasa menghadiri Misa sebagai katekumen sejak Januari, Kim mengalami banyak kasih sayang dan pertemuan gem-bira daripada umat paroki.

"Mereka telah membantu saya beradaptasi dengan kelas katekumen dan membimbing saya di setiap level. Jika gereja

ini lebih hangat, saya fikir, saya harus pergi ke gereja ini," katanya.

"Yang terpenting, ketika saya berdoa kepada Tuhan, saya merasakan sesuatu yang luar biasa di hati saya," tambahnya.


"Saya bukan orang yang emosional tetapi setiap kali saya berdoa di dalam gereja, air mata mengalir tanpa saya sedari.

Mungkin kerana saya tahu, Tuhan amat mengasihi saya, walau apa pun latar belakang saya, Dia mengasihi saya dan menerima saya."

Sebagai seorang guru Katolik, dia memilih Margaretha sebagai nama baptisnya dan mahu mengikuti spiritualiti Santa Marguerite Bourgeoys dari Perancis, yang mendirikan Kongregasi Notre Dame di Montreal dan mendidik gadis-gadis muda dan penduduk asli di Kanada.

"Setiap kali saya berdoa kepada Tuhan, saya meminta hati yang sihat dan kesihatan untuk membimbing semua pelajar.

Saya ingin menjadi seorang guru membantu para pelajar memiliki kepercayaan diri dengan mencari dan mengembangkan bakat mereka dan saya ingin menjadi orang beriman yang baik, berbhagi kasih Tuhan dengan



Kim Min-ji berharap membuka lembaran baru dalam hidupnya semasa menerima Sakramen Pembaptisan pada malam Paskah April 8 lalu. Gambar: Ucanews.com.

orang lain khususnya mereka yang memerlukan dan terabai dan saya sentiasa berharap untuk setia dengan Tuhan Yesus yang hidup dan telah bangkit!" katanya. — ucanews.com

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Kisah Paskah: Membela orang miskin

Kita mungkin bertanya, tentang apakah kisah Paskah itu? Bagi para sahabat sejati Yesus dari Nazareth, ada keyakinan kuat bahawa kebaikan, kebenaran, dan tindakan praktikal untuk keadilan sosial, pada akhirnya akan mengalahkan kejahatan. Paskah adalah waktu untuk menegaskan kembali keyakinan itu dengan mengingat kembali kata-kata dan tindakan Yesus sendiri.

Para pengikut dan sahabat sejati Yesus dari Nazareth tidak ramai tetapi mereka adalah para pekerja yang berdedikasi untuk hak asasi manusia, orang-orang yang berdedikasi melayani orang miskin, terdiri daripada beberapa uskup dan imam yang baik dan para religius yang berkomitmen pada keadilan sosial. Begitu ramai yang berakhir seperti Yesus sendiri, dituduh secara salah, dipenjara, diseksa, dan dihalaui atau diusir oleh para penguasa yang korup.

Para pengikut sejati menjalankan misi Yesus dari Nazaret setiap hari dan menghadirkannya melalui setiap tindakan kasih bagi sesama mereka. Itulah Paskah, penderitaan yang membuatnya hidup, dibangkitkan dan mengalahkan kejahatan dengan kebaikan.

Peranan nyata para pemimpin Gereja bukan hanya untuk memimpin upacara Gereja tetapi untuk melaksanakan misi Yesus dengan memimpin, mendorong, dan mempromosikan keadilan sosial.

Hal-hal itu adalah untuk mempersatukan orang-orang baik bagi bekerja berdasarkan nilai-nilai Injil untuk kebaikan bersama.

Untuk menunjukkan kepada mereka yang buta akan penderitaan orang miskin, menginspirasi para pemimpin untuk bekerja demi transformasi spiritual bangsa yang terperosok dalam ketidakadilan dan eksploitasi.

Untuk membawa keadilan dan kebebasan kepada orang-orang yang hidup dalam kemiskinan sub-manusia hari ini... menjalankan misi-Nya.

Kehidupan dan ajaran Yesus dari Nazaret mendorong ramai orang untuk percaya bahawa kebaikan dan kasih terhadap sesama akan mengalahkan keegoisan dan eksploitasi yang jahat.

Tetapi, para elit, penatua, imam kepala dan orang Farisi tidak menerima pesan penyelamatan Yesus dan menolak Dia serta misi-Nya.

Mereka tidak mahu atau tidak dapat berubah. Mereka senang dengan kekayaan dan kekuasaan mereka melalui sistem mereka yang keras.

Meskipun hasutan dan Pilatus memerintahkan Dia untuk dihukum dengan penyaliban yang kekal namun, itu bukanlah akhir.

Yesus telah BANGKIT, bangkit dari kematian dan berjalan bersama kita dalam roh hari ini. Kita diharapkan untuk menjalankan misi-Nya.

- **Fr Shay Cullen, misionari Columban Ireland yang melayani di Filipina sejak 1969. Beliau mendirikan Yayasan Preda (1974) sebuah organisasi amal yang didedikasikan untuk melindungi hak-hak wanita dan kanak-kanak.**

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Keuskupan Keningau lancar logo, tema bagi tiga program besar

KENINGAU: Keuskupan Keningau melancarkan logo dan tema yang bakal digunakan untuk tiga program besar iaitu Ulang Tahun Keuskupan Keningau yang ke-30 (UTK-30), Perhimpunan Umat Katolik ke-12 dan *Malaysian Pastoral Convention 2026*.

Pelancaran ini diadakan pada Mac 26 di Dataran Keuskupan Keningau oleh Uskup Cornelius Piong selepas Misa Kudus.

Simbolik pelancaran dilakukan dengan tayangan video mengenai penerangan makna logo, diikuti penyerahan banner bunting kepada setiap pengerusi Majlis Pastoral Paroki di Keuskupan Keningau.

Dengan tema, "Umat Tuhan berjalan bersama dalam Yesus Kristus, Membangun gereja melalui institusi keluarga, Memelihara bumi sebagai rumah bersama, Melayani sesama tanpa mengira agama,



Uskup Cornelius Piong bersama Sdra Patrick Marius semasa pelancaran Logo dan Tema bagi tiga program besar di Keuskupan Keningau.

bangsa dan budaya," adalah hasil dari perbincangan dan penelitian oleh Tim Pastoral Keuskupan Keningau (TPK) manakala Logo dicipta oleh Komisi Komunikasi Sosial Keuskupan Keningau.

Menurut, Penegrusi TPK, Sdra. Patrick Marius, selama 30 tahun

Keuskupan Keningau telah menggunakan tema "Umat Tuhan berjalan bersama", sebagai dasar dalam pelayanan pastoralnya.

Pada tahun ini, tema tersebut telah diperkasakan lagi berdasarkan empat dokumen Gereja: *Amoris Laetitia*, *Fratelli Tutti*, *Evangelii*

Gaudium dan *Laudato Si'* dengan empat fokus utama dalam pelayanan pastoral iaitu, Gereja, Keluarga, Ekologi dan Sosial.

Sdra Patrick menerangkan, dalam aspek "Gereja": Wawasan, visi dan misi keuskupan mampu dibangun bersama semua umat dan

bukannya terletak di bahu paderi dan religius sahaja.

Bagi aspek "Keluarga", keluarga merupakan komponen asas dalam pembentukan komuniti, termasuk komuniti gereja.

Manusia juga harus menyedari bahawa ia hidup di bumi bersama alam ciptaan Tuhan, sebab itu tema kali ini juga menekankan tentang pemeliharaan dan pemuliharaan Ekologi.

Akhirnya, "Sosial" ialah pemikiran atau aktiviti yang cuba menembusi dinding, agama, bangsa dan budaya, benih untuk membangun komuniti dengan sikap ambil peduli dan semangat persaudaraan.

Tema dan Logo ini akan digunakan buat pertama kalinya semasa UTK-30 di Paroki Gereja Roh Kudus, Sook, Mei 1, 2023. — **Juanis bin Marcus**

Sukacita sejati yang dirindukan

Kisah Yesus yang sanggup mati di kayu Salib demi menyelamatkan umat manusia, kemudian bangkit dari kematian adalah kisah Yesus, Sang Juruselamat yang sentiasa menarik perhatian saya.

Ketika menyertai kelas IKD, **Holy Cross Toboh, Tambunan**



saya semakin mengenal Yesus yang adalah Jalan dan Kebenaran, maha pengampun dan berbelas kasihan.

Saya meneladani banyak hal yang baik daripada Yesus antaranya mengampuni dan bermurah hati. — **Sylvester Amol**,

Kebahagiaan ada apabila bersama dengan Yesus


Mendengar lagu-lagu rohani sangat menyenangkan saya dan saya berasa seolah-olah dibawa ke alam yang serba baru, indah dan membahagiakan.

Lagu-lagu rohani yang saya dengar memberikan saya dorongan untuk mahu mengenali Yesus yang diungkap dan dipuji serta dimuliahkan didalamnya.

Akhirnya saya memutuskan mendaftar untuk mengikut kelas IKD di Paroki St Patrick Membakut untuk mempersiapkan diri sebelum dibaptis.

Kini, setelah saya mengikuti kelas IKD lebih kurang dua tahun dan diberikan bimbingan yang teratur oleh para Katekis Pembimbing, saya semakin tertarik dengan ajaran Yesus dan sabda-sabdaNya yang sungguh hidup dan membawa kepada keselamatan.

Semua yang saya dengar dan baca terutama dari dalam Alkitab sungguh sangat memberi kedamaian dan kebahagiaan. Saya semakin dikuatkan di dalam mengikuti pembelaja-



ran saya kerana setiap ke gereja saya dapat mendengar lagu-lagu rohani dan turut serta menyanyi.

Saya berharap, setelah dibaptis saya diberikan kesempatan oleh Yesus melayani di rumah-Nya sesuai dengan bakat dan karunia saya.

Dan saya akan berdoa semoga semakin ramai orang datang kepada Yesus dan menjadi pengikut-Nya.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para Katekis Pembimbing dan semua pihak yang mengajar kami selama ini. — **Iris Chan Hau Wei**, **St Patrick Membakut**

Roh Kudus membimbing memilih yang benar

Semasa masih bersekolah dan tinggal di asrama selama lima tahun, saya selalu mengikuti rakan-rakan yang beragama Katolik menghadiri Misa Kudus, mengikuti doa kelompok setiap hari Khamis dan berdoa rosari.

Dari situ, saya tertarik untuk mengenal tentang keperibadian Yesus. Saya juga melihat perubahan iman rakan-rakan saya yang mengikuti Seminar Hidup Baru dalam Roh.

Namun, apabila tamat sekolah dan balik ke kampung, saya tidak pernah lagi melakukan rutin seperti sewaktu zaman sekolah kerana keluarga dan saudara terdekat, tidak ada yang beragama Katolik. Walau bagaimanapun, kerinduan itu tetap ada.

Melihat umat yang berpusu-pusu balik selepas mengikuti Misa, saya menyimpan niat suatu hari nanti saya mau dibaptis dan menjadi anak Tuhan.

Jangan takut, percaya sahaja!

Mengasihi dan mengikuti Yesus tidak dapat dilakukan tanpa iman. Saya tinggal di luar bandar dan keluarga saya beragama Buddha.

Namun apabila saya mengalami masalah dalam kehidupan, saya selalu bertanya kepada sahabat Katolik, Sdra Alex Kua dan Sdri Alexia Chee.

Mereka berdua banyak membimbing saya tentang keluarga dan kehidupan beragama.

Mereka dengan sabar membimbing saya dalam perjalanan



Akhirnya saya menyertai kelas Inisiasi Kristian Orang Tua (IKOT) yang mengajar saya tentang doa, ajaran-ajaran Gereja Katolik, Alkitab dan banyak lagi.

Selain itu, saya juga semakin berani berkongsi tentang Yesus sebagai Juruselamat melalui pembelajaran yang saya sertai setiap minggu dan secara perlahan-lahan mengubah sikap negatif saya kepada seorang yang penyabar, bertolak ansur, mudah memaafkan dan prihatin tentang alam semesta.

Setiap orang menghadapi

cabaran sebelum dibaptis. Begitu juga dengan diri saya. Cabaran yang saya lalui dan hadapi sebelum dibaptis lebih kepada sikap diri sendiri.

Ada waktu dan ketikanya sikap malas dan bosan membuatkan saya malas untuk hadir mengikut kelas.

Perasaan itu disebabkan susah untuk memahami apa yang disampaikan oleh Katekis Pembimbing. Sikap malu bertanya juga menyebabkan salah satu cabaran yang saya hadapi. Namun, syukur dan puji Tuhan akhirnya saya selesai juga mengikuti kelas katekumen.

Selepas dibaptis, saya berharap perjalanan kehidupan saya akan lebih baik dan terarah kepada Tuhan. Iman kehidupan saya akan bercambah dan boleh berkongsi/bersaksi pada orang lain terutama ahli keluarga saya yang belum mengenal Tuhan. — **Lili Kadir**, **Katedral St Francis Xavier, Keningau**

Yesus yang telah bangkit telah memberi saya kebahagiaan dan kebenaran. — **Patricia Eng Jing Wen**, **Kulai Johor**

